

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 OCTOBER 2016

Kunjungan Perdana Menteri ke China kukuh jalinan diplomatik

Lonjak hubungan akrab

Um - 31/10/2016

■ BEIJING 30 OKT.

KUNJUNGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan tiba di ibu kota China ini esok untuk lawatan rasmi selama seminggu dijangka memperkukuhkan jalinan diplomatik Malaysia dan China ke satu titik yang paling akrab dalam meneruskan kesinambungan hubungan baik antara Malaysia dengan para pemimpin tertinggi China.

Lawatan tersebut, yang merupakan kunjungan rasmi ketiga Perdana Menteri ke China, membuktikan bahawa hubungan diplomatik kedua-dua negara berada pada kedudukan yang amat baik dalam memupuk persefahaman serta mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang, kata Duta Besar Malaysia ke China, Datuk Zainuddin Yahya.

Dalam taklimatnya kepada wartawan Malaysia menjelang lawatan itu di sini hari ini, Zainuddin berkata, dalam lawatan yang diadakan atas undangan Perdana Menteri China, Li Keqiang itu, Najib yang ditemani oleh isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor bakal mengadakan pertemuan dengan Li Keqiang pada Selasa ini selain makan malam bersama Presiden China, Xi Jinping dan isterinya, Peng Liyuan pada Khamis ini.

Najib membuat lawatan rasmi kali pertama ke China, iaitu negara yang berpenduduk seramai 1.38 bilion orang, pada tahun 2009 manakala lawatan rasmi kedua pada tahun 2014 sempena sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Bapa Najib, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang merupakan Perdana Menteri Malaysia yang kedua telah merintis hubungan diplomatik dengan China pada tahun 1974, satu langkah bersejarah ketika negara China baru mula memperlihatkan pengaruhnya dalam bidang diplomatik, politik serantau dan dunia, pertahanan, teknologi dan ekonomi.



Bahrom Mahusin

Melaporkan dari BEIJING, CHINA

China kini menikmati anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan sebanyak AS\$11.4 trilion (RM58.8 trilion). Ketika ekonomi dunia menghadapi pertumbuhan yang perlahan sejak beberapa tahun terakhir ini, China mencatatkan kadar pertumbuhan antara enam hingga tujuh peratus setahun.

Menurut Zainuddin, ketibaan Najib dengan pesawat khas pada pukul 1 petang esok akan disambut Timbalan Menteri Luar China, Liu Zhenming dan para pegawai protokol China.

Perdana Menteri membawa bersama rombongan delegasinya seramai lapan orang menteri Kabinet, tiga orang Menteri Besar dan Ketua Menteri serta seorang menteri dari Sarawak.

Antara yang terlibat dalam rombongan itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid serta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Delegasi itu turut disertai Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Besar Terengganu, Ahmad Razif Abdul Rahman; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; Menteri Kerajaan Tempatan Sarawak, Datuk Dr. Sim Kui Hian dan Utusan Khas Perdana Menteri ke China, Tan Sri Ong Ka Ting.

Antara program utama yang diatur sepanjang lawatan rasmi Perdana Menteri sehingga 6 November ini termasuklah majlis sambutan rasmi pada Selasa di Great Hall of the People yang juga dipanggil Auditorium Rakyat Chongqing iaitu sebuah balai besar yang menjadi tempat untuk aktiviti politik, kerajaan dan kebudayaan di Beijing.

Menurut Zainuddin, sambutan itu akan diikuti pertemuan antara Perdana Menteri dengan rakan sejawat beliau Perdana Menteri Li Keqiang sebelum berlangsungnya mesyuarat dua hala antara Malaysia dan China.

“Perkara-perkara yang dijangka dibincangkan semasa mesyuarat ini adalah berkaitan dengan kerjasama dua hala dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan, pertanian, pelancongan dan kebudayaan, sains dan teknologi (serta hubungan rakyat antara rakyat,” kata Zainuddin.

Beliau berkata, Malaysia dan China akan mengeluarkan satu kenyataan bersama selepas mesyuarat dua hala berkenaan.

Perdana Menteri juga dalam lawatan itu akan diraikan oleh Perdana Menteri Li Keqiang dan Presiden Xi Jinping dalam dua jamuan makan malam berasingan dengan Xi Jinping dan isteri meraikan Najib dan Rosmah di Diaoyutai State Guest House, iaitu sebuah kompleks tamu



NAJIB TUN RAZAK



XI JINPING



LI KEQIANG

yang pernah menjadi kediaman rasmi Pengasas Republik Rakyat China, mendiang Mao Zedong.

Najib akan turut menerima kunjungan hormat oleh Zhang Dejiang, Pengerusi Kongres Rakyat Kebangsaan China yang mengetuai

kongres yang diwakili oleh hampir 3,000 pemimpin parti, pegawai kerajaan, pemerintah dalam aspek bisnes dari seluruh pelosok China.

Zainuddin memberitahu, dalam lawatan itu Najib akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara syarikat Malaysia dan China, menghadiri majlis makan malam dengan 500

orang anggota komuniti Malaysia di Beijing, menghadiri Mesyuarat Meja Bulat dengan 30 ahli perniagaan terkemuka China selain bertemu 400 pemimpin perniagaan Malaysia dan China dalam Forum Bisnes Malaysia-China. Beliau akan menyampaikan ucapan utama

pada forum bisnes itu.

Menurut Duta Besar itu, setelah hubungan dua hala terjalin sejak tahun 1974, status hubungan Malaysia dan China telah menunjukkan peningkatan yang signifikan.

“Pada tahun 2013, hubungan diplomatik Malaysia-China telah dinaik taraf daripada ‘Kerjasama Strategik’ kepada ‘Kerjasama Strategik Komprehensif’.

“Ini bermakna jalinan kerjasama antara kedua-dua buah negara bukan hanya tertumpu dalam aspek politik, ekonomi, pelaburan dan pelancongan tetapi kini merangkumi pelbagai kerjasama dalam bidang-bidang seperti sosial, sains dan teknologi, pertahanan, keselamatan dan pendidikan,” kata Zainuddin.

Beliau menambah, China merupakan rakan dagang Malaysia yang terbesar sejak tahun 2009, manakala Malaysia pula adalah rakan dagang kelapan terbesar bagi China.

Pada tahun 2015, jumlah daganan dua hala antara Malaysia dan China adalah sebanyak AS\$57.8 bilion (RM231 bilion) yang merupakan peningkatan sebanyak 11 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Barangan eksport utama Malaysia ke China adalah seperti barangan elektronik dan elektrik, barangan kimia, produk petroleum, minyak sawit dan produk berasaskan sawit.

Barangan import utama dari China pula ialah barangan elektronik dan elektrik, mesin, kimia dan produk berasaskan kimia, tekstil dan pakaian. - UTUSAN